

# Utusan Malaysia

## 25 May 2011

### **UniMAP raih 11 pingat emas**

KANGAR 24 Mei –  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih 11 pingat emas sekaligus merangkul juara keseluruhan pada Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2011 yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan berakhir semalam.

Menurut satu kenyataan hari ini, selain emas, UniMAP meraih 24 perak serta 11 gangsa dari 50 produk yang dipertandingkan dan pencapaian itu melayakkan ia dinobatkan sebagai penerima Anugerah Patron.

UniMAP turut meraih Anugerah Best Green Invention 2011 dan Kelab Penyelidik Muda ENVEX (EYReC) universiti itu terpilih mewakili Malaysia untuk Anugerah Sijil Penghargaan. - BERNAMA